

Ngambat ikan perlu dikawal

Sinar Harian 8/3/2018 M/S 35

**Jabatan Perikanan
Terengganu bakal
keluarkan garis
panduan**

NOOR HAYATI MAMAT

KAMPUNG KUA

Jabatan Perikanan Terengganu akan adakan perbincangan dengan Pejabat Daerah Hulu Terengganu bagi mencari mekanisme terbaik berhubung tradisi ngambat ikan di daerah ini agar ia tidak mengundang kepupusan.

Pengaruhnya, Zawawi Ali berkata, pihaknya tidak melarang komuniti teruskan aktiviti sungai pada musim kemarau itu tetapi pada masa sama ia perlu dikawal serta dipantau dari semasa ke semasa.

"Kita sedia maklum, ngambat ikan yang merupakan satu kaedah tangkap ikan secara tradisional ini



Zawawi (kanan) ketika turun padang melawat projek ternakan udang galah dalam kolam di Kampung Kua, Kelmarin.

sudah jadi tradisi masyarakat di Hulu Terengganu sejak sekian lama dan sebahagian daripada budaya kehidupan.

"Namun, dari segi jangka panjang kita tidak mahu ia menyebabkan kepupusan ikan.

"Jadi, kita akan bincang dan be-

kerjasama dengan Pejabat Daerah Hulu Terengganu mengenai perkara ini untuk kebaikan bersama," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan melihat kembali sungai mana sering jadi tumpuan serta jenis-jenis ikan ditangkap.

"Mungkin kita boleh disediakan garis panduan untuk diikuti semua pihak atau orang kampung yang ingin ngambat ikan."

"Pendekatan ini bukan ingin halang masyarakat Hulu Terengganu teruskan aktiviti tradisi tetapi ingin kawal ikan daripada pupus. Kalau

bebas saja, anak ikan pun ditangkap," katanya ketika ditemui di kolam ternakan udang galah, di sini, kelmarin.

Katanya, pihaknya bersedia untuk terlibat sekiranya pejabat daerah atau mana-mana pihak ingin mengadakan aktiviti ngambat ikan itu kerana usaha bagi mengawal populasi ikan daripada pupus akan lebih berkesan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata pihaknya juga akan memberikan perhatian bagi mengawal aktiviti 'fly fishing' yang biasanya diadakan di kawasan Air Terjun Belukar Bukit, di daerah Hulu Terengganu.

"Jabatan Perikanan sebenarnya lebih kepada aktiviti bantu individu cari pendapatan, 'flyfishing' ini pula lebih kepada rekreasi dan kita kurang bagi tumpuan. Namun, kita ambil perhatian untuk mengawalnya.

"Mereka tangkap ikan di tempat sama, kita takut berpunca daripada aktiviti ini memberi kesan kepada kepupusan ikan. Sebelum ia berlaku lebih baik kita kawal," ujarnya.